

Headline	Kenaikan tarif elektrik hanya melibatkan bil lebih RM150		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	4
ArticleSize	203 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,295		



AZIZAH (tengah) melihat pameran produk makanan industri kecil dan sederhana pada majlis graduasi program inkubator kemahiran ibu tunggal dan Inkubator Keusahawanan Wanita di Kuala Terengganu semalam.

Kenaikan tarif elektrik hanya melibatkan bil lebih RM150

KUALA LUMPUR - Kenaikan tarif elektrik yang berkuat kuasa Januari ini, tidak akan menjejaskan pengguna biasa terutama yang mempunyai bil RM70 dan ke bawah sebulan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan (**gambar**).

Beliau berkata, kenaikan itu hanya memberi implikasi ke atas pengguna yang bil elektrik bulanannya RM150 dan ke atas sahaja.

"Tidak ada tambahan kalau kita kekal penggunaan elektrik seperti biasa. Mereka yang guna elektrik RM150 akan alami tambahan bayaran antara RM12 dan



RM20 sebulan," katanya semasa mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Kewangan 2013 di Dewan Negara semalam.

Ahmad berkata, semakan dengan rekod Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati kira-kira 70 peratus daripada pengguna tidak terlibat dengan kenaikan itu sebaliknya ia memberi kesan terhadap 30 peratus pengguna yang terdiri daripada pihak industri.

Menurutnya, kerajaan juga menanggung bil elektrik bagi lebih sejuta rumah rakyat miskin yang kosnya berjumlah kira-kira RM150 juta setahun. - Bernama